

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

TIADA PERUBAHAN HARGA RUNCIT MINYAK MASAK TULEN KEMASAN BOTOL

PUTRAJAYA, 8 MAC 2023 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ingin memaklumkan mengenai komitmen kerajaan untuk terus membantu rakyat **meringankan beban kos sara hidup** dan **menangani isu kenaikan harga** bagi mengelakkan kesan kepada pengguna.

2. Selain pelbagai inisiatif di bawah Payung RAHMAH, turut diteruskan adalah peranan Kerajaan menerusi KPDN yang menetapkan **Harga Runcit Maksimum bagi minyak masak tulen kemasan botol bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.4) 2023**. Secara umumnya, **terdapat sedikit kenaikan harga minyak sawit mentah untuk bulan Februari berbanding bulan sebelumnya**. Walau bagaimanapun, berdasarkan rundingan diadakan sebelum ini, **Kerajaan dan industri bersetuju untuk mengekalkan harga minyak masak Kelapa Sawit tulen untuk tempoh mulai 8 Mac 2023 hingga 7 April 2023**.

3. Berikut adalah **Harga Runcit Maksimum minyak masak tulen kemasan botol** seperti jadual dibawah :

Harga Runcit Maksimum Bagi Minyak Masak (Botol)

Barangan	Kuantiti (Kilogram)	Harga Runcit (RM)
Minyak Masak	1 kg	6.90
	2 kg	13.30
	3 kg	19.60
	5 kg	30.90

4. Mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksima boleh diambil tindakan di **bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan;
- (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000.

5. Akhir sekali, KPDN akan meneruskan pemantauan disamping turut menggalakkan pengguna agar menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan untuk menyalurkan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang di bawah bidang kuasa KPDN termasuk harga runcit minyak masak sawit tulen di pasaran secara rasmi melalui saluran berikut:

- i. Whatsapp ke 019- 279 4317 / 019-848 8000
- ii. Portal eaduan.kpdn.gov.my
- iii. Pusat Panggilan 1-800-886-800
- iv. Emel e-aduan@kpdn.gov.my
- v. Ez ADU KPDN
- vi. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245

###

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI

DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

PUTRAJAYA

8 MAC 2023

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

